

14/11/1997

MB, KM sokong Mahathir

KUALA LUMPUR, Khamis - Semua menteri besar dan ketua menteri hari ini sebulat suara mengambil resolusi yang menyatakan bantahan terhadap tindakan 27 anggota Kongres Amerika terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, sembilan menteri besar dan empat ketua menteri mengutuk sekeras-kerasnya campur tangan anggota Kongres itu, yang dianggap mencampuri urusan pentadbiran negara.

Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad yang mewakili mereka berkata, resolusi berkenaan dibuat sejurus sebelum Mesyuarat Majlis Raja-Raja di Istana Negara, bermula pagi ini.

Resolusi berkenaan kemudiannya diserahkan kepada Dr Mahathir yang turut menghadiri mesyuarat itu.

"Resolusi itu bukan ditujukan kepada Kerajaan Amerika tetapi kepada 27 ahli Kongres berkenaan," katanya selepas membacakan resolusi yang ditulis tangan dalam sidang akhbar di Yayasan Pembangunan Iktisad Islam Malaysia, di sini.

Turut hadir pada sidang akhbar itu ialah Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Resolusi itu ditandatangani oleh semua 13 pemimpin negeri yang menghadiri mesyuarat berkenaan, termasuk Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Wan Mokhtar berkata, semua pemimpin negeri tersinggung dengan sikap ahli kongres Amerika terbabit kerana cuba menjatuhkan maruah Dr Mahathir sebagai peneraju kerajaan Malaysia.

"Usul daripada ahli Kongres itu sepatutnya tidak harus diluluskan kerana rakyat negara ini memilih Perdana Menteri melalui sistem demokrasi," katanya.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau akan membentangkan usul menyokong kepemimpinan Dr Mahathir pada sidang Dewan Rakyat, secepat mungkin.

Pagi ini, Pemuda Barisan Nasional (BN) menyerahkan nota bantahan kepada Kedutaan Amerika di negara ini terhadap draf resolusi itu.

Sementara itu, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata tindakan ahli Kongres Amerika menghantar surat dan draf resolusi itu membuktikan mereka tidak demokratik.

"Bolehkah kita mendesak Presiden Bill Clinton meletak jawatan? Apabila orang merasakan dirinya kuat, dia merasakan orang lain tidak penting. Inilah sikap Amerika.

"Dr Mahathir bukan dipilih rakyat Amerika untuk menjadi Perdana Menteri. Saya rasa tindakan Amerika yang sebegini disebabkan mereka fikir tidak ada pihak yang boleh mencabar mereka," katanya selepas melancarkan Kelab Komputer di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Thamboosamy Pillai di sini.

(END)